

## SIARAN MEDIA

### **Syarikat Usaha Sama Purem Aapico membuka kilang baharu di Malaysia**

- **Kilang pertama syarikat Usaha Sama**
- **Pengeluaran sistem ekzos untuk kenderaan penumpang**
- **Berkembang dengan Mobiliti Bersih di rantau ASEAN**

*Esslingen (Jerman), Rawang (Malaysia), 10 Oktober 2023* – **Pertumbuhan dengan Mobiliti Bersih di Asia: merujuk perkara ini, pihak pengurusan atasan rakan kongsi Usaha Sama Purem by Eberspaecher dan AAPICO Hitech Public Company Limited (AAPICO) meraikan pembukaan rasmi kilang pertama baharunya di Malaysia.**

“Ini merupakan pencapaian penting untuk aktiviti perniagaan kami di pasaran ASEAN”, menurut Rakan Kongsi Pengurusan Eberspaecher Group, Martin Peters. “Ia menunjukkan bahawa produk dan teknologi kami untuk mobiliti bersih amat dinantikan dan kami berbesar hati bakal menyediakannya bersama rakan kongsi Usaha Sama kami, AAPICO.” Beliau seterusnya menekankan: “Hanya setahun selepas bermulanya urusan usaha sama kami, pembukaan ini adalah bukti kejayaannya dan langkah penting untuk membangunkan pasaran tempatan di Malaysia.”

Purem by Eberspaecher merupakan peneraju global dalam teknologi ekzos. Penyelesaian mampan dimilikinya memenuhi piawaian emisi global untuk mobiliti yang bersih dan senyap. Bersama-sama dengan rakan kongsi usaha sama AAPICO, syarikat Jerman berkenaan kini memasuki pasaran yang terus berkembang di Malaysia dan Thailand.

“Ini merupakan pelaburan alat ganti kedua kami di Malaysia pada tahun ini. AAPICO mempunyai keyakinan terhadap masa hadapan industri kenderaan di Malaysia. Saya berbangga untuk membawakan Purem by Eberspaecher, antara pengeluar ekzos terbesar

dan utama di dunia ke Malaysia”, kata Presiden & CEO AAPICO Hitech PLC, Yeap Swee Chuan

Kilang baharu di Rawang meliputi kawasan seluas 4,000 meter persegi bagi pengeluaran rawatan susulan gas ekzos. Ini termasuk apa yang dikenali sebagai peralatan *hot ends* iaitu penukar pemangkin (*catalytic converter*) dan perongga (*manifold*) serta peralatan *cold ends* iaitu peredam bunyi dan paip. Menampilkan teknologi terkini yang sangat automatik, kira-kira 100 pekerja akan mengeluarkan dan menyediakan lebih kurang 400,000 komponen setiap tahun untuk empat model kereta berbeza bagi sebuah syarikat pengeluar automotif terkemuka di Malaysia. Pada masa hadapan, perancangan membabitkan pengeluaran selanjutnya dengan pelanggan tempatan baharu di samping perluasan teknikal di kemudahan pengeluaran bagi saduran pemangkin (*catalyst*).

Menerusi potensi kemudahan yang boleh diperluaskan sehingga 7,000 meter persegi dan beroperasi pada kapasiti penuh, usaha sama ini bakal menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan industri alat ganti di Malaysia dengan kewujudan peluang pekerjaan baharu, pengenalan teknologi terkemuka dan peningkatan kemahiran tenaga kerja, dan pada masa yang sama menyediakan sistem ekzos bertaraf dunia yang mampan kepada kalangan pengeluar OEM.

Minggu ini, rakan kongsi usaha sama berkenaan secara rasminya akan membuka kilang kedua untuk pasaran ASEAN. Tapak berkenaan di Rayong, di bahagian tenggara Bangkok, Thailand yang akan menyediakan sistem ekzos untuk trak pikap pengeluar automotif AS yang terkemuka.

Usaha sama Purem Aapico Co. Ltd. telah ditubuhkan pada Ogos 2022. Purem by Eberspaecher mempunyai 51 % pegangan manakala AAPICO sebanyak 49 %. Matlamat perkongsian ini adalah untuk membangunkan pasaran tempatan dan menjadi pembekal sistem teknologi ekzos utama bagi rantau ini: [Purem by Eberspaecher dan AAPICO menandatangani perjanjian usaha sama](#).\*

\*<https://www.eberspaecher.com/en/press/press-releases/individual-view/purem-by-eberspaecher-and-aapico-sign-joint-venture-agreement>

## **Keterangan gambar:**

- *Pembukaan besar-besaran kilang baharu teknologi ekzos bersama pengurusan atasan daripada rakan kongsi usaha sama Purem by Eberspaecher dan AAPICO di Rawang, Malaysia*
- *Gambaran luaran kilang baharu di Rawang*
- *Gambaran dalaman: Pengeluaran sistem ekzos untuk mobiliti bersih di Malaysia*

## **Media Global Purem by Eberspächer untuk dihubungi:**

*Anja Kaufer  
Naib Presiden Komunikasi Korporat  
Eberspächer Group  
Telefon: +49 711 939-0250  
[press@eberspaecher.com](mailto:press@eberspaecher.com)*

## **Media AAPICO Hitech PLC untuk dihubungi:**

**AAPICO Hitech Public Company Limited:**  
*Pocharee Busrathepkul  
Pengawal Kewangan Kanan dan Ketua Perhubungan Pelabur  
AAPICO Hitech PLC.  
Telefon: +66 2 613-1504  
[ir@aapico.com](mailto:ir@aapico.com)*

## **Mengenai Purem by Eberspaecher:**

*Purem by Eberspaecher ialah subsidiari Eberspaecher Group yang beribu pejabat di Esslingen. Untuk mencapai mobiliti bersih dan senyap, lebih daripada 7,100 kakitangan membangunkan dan mengeluarkan sistem ekzos dan akustik untuk kereta penumpang, kenderaan CV dan off-road. Teknologi berkenaan merupakan sumbangan penting bagi memenuhi piawaian emisi dan garis panduan bunyi yang paling ketat. Para pelanggannya termasuk pengeluar kenderaan terkemuka dunia. Pada tahun 2022, subsidiari berkenaan dalam kumpulan syarikat menjana perolehan kira-kira 5.7 bilion euro. Perolehan bersih diselaraskan untuk item sementara berjumlah 1.9 bilion euro.*

## **Mengenai AAPICO Hitech PLC:**

*AAPICO Hitech Public Company Limited diasaskan pada tahun 1996 dan disenaraikan pada Bursa Saham Thailand pada tahun 2002. Pengasas syarikat ini ialah Yeap Swee Chuan yang berasal dari Malaysia. Syarikat berkenaan terdiri daripada 3 tonggak perniagaan: Perniagaan Pengeluaran Alat Ganti OEM, Perniagaan Pengedar Kenderaan, dan Perniagaan Penyambungan & Mobiliti IoT. Sehingga hari ini, Kumpulan berkenaan terdiri daripada 48 subsidiari dan syarikat bersekutu, yang mana 33 syarikat beroperasi di Thailand dan 15 syarikat terletak di luar negara. Pada peringkat permulaan, perniagaan teras Syarikat membabitkan rekaan, pengeluaran serta pemasangan jig kereta dan stamping dies; selain menghasilkan pelbagai alat ganti OEM untuk syarikat pemasangan kenderaan terkemuka di Thailand. Sejak itu, portfolio syarikat berkenaan berkembang yang meliputi pengeluaran komponen rangka casis, serta alat ganti penempatan, mesin, casting, plastik dan tangki bahan api plastik. Perolehan pada tahun 2022 adalah sebanyak AS\$ 800 juta\* dengan 5,400 kakitangan. (\*Nota: kadar pertukaran 1 AS\$ = 35.5 THB)*

**Mengenai Eberspaecher:**

*Dengan kira-kira 10,700 kakitangan di 80 lokasi di seluruh dunia, Eberspaecher Group merupakan antara pembangun dan pembekal sistem terkemuka industri automotif. Perniagaan keluarga berkenaan yang beribu pejabat di Esslingen am Neckar, berpegang kepada penyelesaian inovatif dalam teknologi ekzos, elektronik automotif dan pengurusan haba untuk rangkaian pelbagai jenis kenderaan. Dari segi enjin pembakaran atau hibrid dan dalam e-mobiliti, komponen dan sistem daripada Eberspaecher memastikan keselesaan yang lebih baik, keselamatan yang lebih terjamin serta persekitaran bersih. Eberspaecher merintis laluan untuk teknologi masa hadapan seperti penggunaan sel bahan api mudah alih dan pegun, bahan api sintetik serta penggunaan hidrogen sebagai pembawa tenaga. Pada tahun 2022, Kumpulan berkenaan menjana perolehan sebanyak kira-kira 6.4 bilion euro. Perolehan bersih diselaraskan untuk item sementara berjumlah 2.7 bilion euro.*